

Tsunami Ekonomi Melayu



Oleh
Dato' Dr. Nazri Khan,
NSTA CFE
Naib Presiden dan
Ketua Penyelidikan
Runcit Affin Hwang
Investment Bank.

PADA pilihan raya umum (PRU-13), sebaik-baik sahaja keputusan diumumkan, Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menggunakan ungkapan "tsunami masyarakat Cina" bagi menggambarkan perpindahan sokongan kaum itu kepada parti pembangkang.

Rata-rata penganalisis politik turut bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri dan berpendapat bahawa gelombang yang dibawa oleh kaum Cina menyebabkan kemerosotan prestasi Barisan Nasional (BN) dalam PRU - 13.

Bagi PRU - 14 baru-baru ini pula, kita dapat mendengar ungkapan "tsunami Melayu" yang dikhuatiri menjejaskan keupayaan BN untuk mempertahankan rekodnya sebagai satu-satunya parti pemerintah yang memenangi semua pilihan raya di Malaysia sejak merdeka.

Jika disingkap lembaran sejarah negara, sejak dahulu lagi orang Melayu dan golongan Bumiputera yang lain lebih cenderung untuk melihat penguasaan politik sebagai kuasa utama yang perlu dipertahankan oleh mereka, manakala kaum Cina pula melihat pengaruh ekonomi sebagai lebih utama.

Jadi mereka berfikir seperti ahli perniagaan apabila membuang undi dalam mana-mana pilihan raya umum. Mereka mempunyai strategi untuk memastikan setiap undi yang dipangkah memberikan pulangan terbaik, seperti yang diakui oleh Perdana Menteri sendiri dalam wawancaranya bersama-sama sebuah akhbar pada April lalu.

"MCA menyatakan bahawa pengundi Cina akan kembali (kepada BN dalam PRU - 14), namun ada yang menyatakan tidak. Bagi pengundi Cina, anda hanya dapat mengesan (corak pengundian)

Foto: Penulis

pada saat akhir kerana mereka ialah pengundi berstrategi," kata Perdana Menteri.

Dalam keghairahan bercakap tentang tsunami politik, sebenarnya terdapat satu lagi jenis tsunami yang perlu diberikan perhatian serius oleh orang Melayu, iaitu tsunami ekonomi. Di sinilah semua tenaga dan usaha perlu ditumpukan kerana kemandirian Melayu hanya dapat dipertahankan dengan gabungan kuasa politik dan ekonomi yang kuat.

Untuk mencetuskan tsunami ekonomi Melayu, kita tidak memerlukan perubahan secara besar-besaran dalam dasar negara atau bantuan kerajaan yang bernilai berbilion Ringgit, sebaliknya bermula daripada perkara asas yang kita lakukan pada setiap hari, iaitu melalui pengurusan kewangan yang bijak.

Kemahiran untuk menyimpan wang dan melaburkan simpanan ialah kunci utama untuk meningkatkan taraf hidup dan status ekonomi orang Melayu, sekali gus membawa gelombang perubahan ekonomi secara besar-besaran kepada negara. Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai penduduk majoriti negara ini, kekayaan orang Melayu dan bumiputera mampu memberikan impak yang ketara kepada kekayaan negara.

Tiada cara lain untuk orang Melayu menambah pendapatan selain pelaburan, sama ada melaburkan simpanan dalam perniagaan mereka sendiri atau pun melaburkan simpanan dengan membeli aset dan saham. Keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan akan memberikan pendapatan tambahan kepada orang Melayu, sekali gus meningkatkan kekayaan kaum itu.

Hal inilah yang dilakukan oleh kaum Cina yang rata-rata celik pelaburan. Pada masa ini, berdasarkan pemerhatian kasar sekali pun kita dapat melihat kaum Cina memiliki pendapatan boleh guna yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan kaum Melayu. Sebagai contohnya, pemerhatian kasar ialah kediaman yang dimiliki, kenderaan yang digunakan, pusat beli-belah yang dikunjungi dan pilihan pendidikan atau penjagaan kesihatan.


Perkara ini disebabkan mereka bijak menggandakan wang yang sedia ada. Sebagai contohnya, satu laporan berkaitan harta tanah pada tahun 2015 menyebut bahawa pemilikan

harta tanah bumiputera hanyalah 39.5 peratus berbanding dengan bukan Bumiputera iaitu 53.4 peratus sedangkan dari segi komposisi penduduk, bumiputera merupakan majoriti.

Antara sebab jumlah pemilikan hartanah yang berbeza ini termasuklah golongan bumiputera lebih cenderung membeli harta tanah untuk didiami sendiri, manakala bukan bumiputera membeli harta tanah untuk pelaburan. Dalam laporan yang sama, turut digariskan faktor lain yang menjadi punca orang Melayu dan bumiputera tidak mampu memiliki kediaman sendiri dan hal ini termasuklah kuasa beli yang lebih rendah serta pengurusan kewangan yang kurang bijak.

Di sini saya tekankan mengenai pengurusan kewangan. Gelombang kebangkitan bangsa

Gelombang kebangkitan bangsa bermula daripada pengurusan kewangan yang baik dan hal ini bergantung kepada corak perbelanjaan harian kita sendiri.



Pelaburan merupakan salah satu pendekatan yang terbaik dalam meningkatkan ekonomi sesebuah negara.

ctr. no = 0000 27568 ECO 2018 / A15

Dewan Ekonomi
Jun 2018

Economics - Malaysian Plan
Pg. 18-21



6.25
SEN SEUNIT

6.75
SEN SEUNIT

Permodalan Nasional Berhad bertanggungjawab dalam menyediakan platform pelaburan di Malaysia.

bermula daripada pengurusan kewangan yang baik dan hal ini bergantung kepada corak perbelanjaan harian kita sendiri.

Kadangkala kita dapat melihat bahawa, walaupun terdapat kaum Melayu dan kaum Cina yang mempunyai pendapatan lebih kurang sama, kuasa beli orang Cina selalunya lebih tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka gemar melaburkan wang yang ada dalam pasaran saham atau harta tanah untuk mendapatkan pulangan berkali-kali ganda.

Sebagai buktinya, setiap kali unit dana Amanah Saham ditawarkan oleh Permodalan

Nasional Berhad (PNB), saham yang diperuntukkan kepada kaum Cina semuanya habis licin dalam tempoh masa yang singkat. Hal ini menunjukkan bahawa kaum Cina ghairah untuk melabur.

Sebagai penasihat pelaburan yang mendendalikan seminar serta kelas pelaburan sendiri, saya melihat bagaimanakah kaum Cina mempunyai minat yang lebih tinggi terhadap ilmu pelaburan saham berbanding dengan kaum Melayu?

Tidak dinafikan bahawa hasil daripada promosi secara besar-besaran dan secara berterusan serta kempen daripada pihak Bursa

Malaysia sendiri, lebih banyak orang Melayu yang mula menyedari potensi pelaburan saham dan menunjukkan minat untuk menimba lebih banyak pengetahuan.

Secara keseluruhannya, jumlah purata harian pembabitan pelabur runcit dalam Bursa Malaysia berada pada RM572 juta setakat September 2017, iaitu peningkatan sebanyak 16 peratus berbanding dengan jumlah keseluruhan pada tahun 2016.

Namun demikian, apa-apa yang saya dapat katakan pada masa ini, kaum Melayu tidaklah seghairah rakan mereka yang berbangsa Cina. Hal ini merupakan sesuatu yang merugikan

kerana pelaburan saham ialah pelaburan paling mampu untuk orang Melayu, berbanding dengan pelaburan dalam harta tanah, emas, atau sebagainya. Malah, banyak pilihan saham patuh syariah yang boleh dibeli oleh orang Melayu bagi mendapatkan pulangan yang jauh lebih tinggi berbanding pelaburan lain.

Bursa Malaysia sendiri menetapkan matlamat untuk menarik sebanyak mungkin pelabur runcit ke dalam pasaran untuk memastikan lebih banyak rakyat Malaysia dapat menambah pendapatan dan kekayaan melalui pelaburan dalam pasaran saham. Orang Melayu perlu mula membuka mata dan minda untuk mempelajari dan menguasai dunia pelaburan saham. Selain membeli amanah saham yang ditawarkan oleh kerajaan, kita perlu belajar cara untuk melabur sendiri dalam saham utama dunia kerana pulangannya jauh lebih lumayan.

Namun demikian antara penyebab utama yang menyekat penyertaan kaum Melayu dalam pelaburan saham adalah kerana tiadanya simpanan yang mencukupi untuk dilaburkan walaupun kos pelaburan saham amatlah rendah. Atas dasar itulah, pengurusan kewangan yang bijak merupakan batu asas yang paling utama sebelum kita boleh bercakap lebih lanjut mengenai kekayaan bangsa dan kuasa politik.

Resipi untuk pengurusan kewangan yang baik adalah amat mudah. Kita perlu belajar menyimpan sebanyak mungkin pendapatan bulanan dengan mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu. Simpanan ini kemudiannya perlu dilaburkan untuk menambahkan kekayaan lagi.

Pendapatan orang Melayu dan bumiputera yang lebih tinggi akan meningkatkan penggunaan swasta dalam negara. Aktiviti sektor swasta yang teguh adalah antara fundamental terpenting bagi ekonomi negara.

Akhirnya tsunami ekonomi Melayu akan memakmurkan negara secara keseluruhan dan membawa kebaikan kepada semua kaum yang lain. Persoalannya, bilakah tsunami ini akan melanda? *

Secara keseluruhan, jumlah purata harian pembabitan pelabur runcit dalam Bursa Malaysia berada pada RM572 juta setakat September 2017.